

16 pelumba Go-Kart berentap buru juara

SH T23

AZMI WAHAB

14/mac/2010

KUALA TERENGGANU - Seramai 16 pelumba Go-Kart berentap bagi memburu kejuaraan di Pertandingan Go Kart antara universiti di negeri Terengganu anjuran Majlis Kolej Kediaman Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Litar GO-kart Pusat Latihan Memandu, Gong Badak.

Peserta terdiri daripada pelumba terbaik dari setiap universiti dan ia melibatkan pelumba lelaki dan pelumba wanita.

Difahamkan, dua universiti disahkan mengambil bahagian iaitu UMT dan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) manakala universiti jemputan lain tidak dapat turut serta berikutan terdapat karnival sukan di

setiap universiti yang dijemput.

Menurut pengarah program, Muhammad Sufi Ibrahim, pihaknya menjemput lima universiti di seluruh negeri antaranya Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Komuniti, UDM dan lain-lain.

"Saya kira program ini berjaya, memandangkan banyak universiti jemputan tidak dapat melibatkan diri, namun sambutan dari peserta amat menggalakkan," katanya ketika ditemui Sinar Harian.

Katanya, pertandingan ini lebih kepada memperkenalkan sukan itu dalam kalangan penuntut universiti di negeri ini.

"Melalui pertandingan seperti ini, peserta yang terlibat akan berjaya meng-

harumkan nama universiti masing-masing, secara tidak langsung ia mempromosikan sukan ini di setiap universiti untuk dikenal lebih menyeluruh," katanya.

Menurut beliau, memandangkan sukan ini masih baru dan belum mendapat tempat di mana-mana kejohanan sukan sama ada di peringkat negeri mahu pun kebangsaan, pihaknya cuba untuk mengetengahkan sukan ini bagi diterima umum.

"Sebenarnya sukan ini adalah satu sukan yang mencabar tetapi ia boleh disertai oleh lelaki dan wanita kerana keselamatan ketika berlumba sangat diutamakan dan ia, jadi saya kira sukan ini amat sesuai untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.



● Peserta Go Kart bersedia untuk menghadapi pertandingan Go Kart antara universiti di negeri Terengganu.